

19 JUN 2003

Projek-Lulus/I (Dengan gambar)

KEMENTERIAN AKAN TERUS KELUARKAN LESEN PROJEK PERUMAHAN

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan terus mengeluarkan lesen untuk projek perumahan yang diluluskan oleh kerajaan negeri walaupun terdapat lebih hartanah bernilai RM29 bilion di pasaran.

Timbalan Menterinya, Datuk Peter Chin, berkata setakat ini tidak ada arahan daripada kabinet untuk memberhentikan projek perumahan berikutan lebih hartanah di negara.

"Daripada segi kelulusan projek, kementerian akan terus mengeluarkan lesen kerana yang meluluskan projek pembangunan untuk pembinaan hartanah adalah kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Juru Ukur Malaysia Ke-5 di sini hari ini. Beliau mewakili menterinya Datuk Seri Ong Kah Ting.

Chin berkata kementerian juga tidak ada kuasa menyelia kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan dalam meluluskan projek dan terpulanglah kepada kabinet sama ada untuk menyekat pembinaan kondominium atau komersil.

Pada Dialog Bajet 2004 baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan tidak meluluskan projek yang tidak perlu bagi mengelakkan pembangunan hartanah yang tidak seimbang.

Pusat Penerangan Hartanah Negara (NAPIC) melaporkan terdapat nilai hartanah terkumpul yang berlebihan sebanyak RM29.15 bilion sehingga akhir tahun lepas berbanding RM27 bilion tahun sebelumnya.

Menurut NAPIC, terdapat 60,000 unit rumah kediaman, 2,200 lot tanah perindustrian dan 9,700 unit kedai sudah siap tetapi tidak dapat dijual.

Di samping itu, terdapat 1.38 juta meter persegi ruang kompleks membeli-belah dan 2.76 juta meter persegi lot pejabat kosong di seluruh negara.

-- BERNAMA

VP SSA BK MAI